

# Sedia tambah estet ikan

HM 8/8/2022, ms. 4

**Maran:** Jabatan Perikanan Pahang bersedia untuk mewujudkan lebih banyak estet ikan di negeri ini jika terdapat kawasan berse-suaian dan mendapat per-mintaan dalam kalangan komuniti setempat.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, ketika ini terdapat tujuh estet ikan aktif masing-masing satu di Maran, dua di Lipis dan empat di Temerloh yang mampu menyediakan sumber makanan berupa pelbagai spesies ikan air tawar berkualiti.

“Estet ikan ini menjadi pusat pemuliharaan dan menambah simpanan ikan air tawar selain lokasi agro pelancongan yang semakin diminati.

“Ia turut menyediakan sumber makanan teruta-

ma kepada mereka yang menggemari pelbagai spesies ikan air tawar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Pesta Menjala Ikan Air Tawar Memburu Si Baduk di Estet Ikan Kuala Wau di sini, semalam.

Pesta kali pertama diadakan itu berjaya menarik penyertaan lebih 1,000 peserta tempatan termasuk dari luar Pahang memba-bitkan aktiviti menangkap pelbagai spesies ikan air tawar menggunakan jala sahaja.

Katanya, pihaknya sudah melepaskan sebanyak 326,500 benih ikan spesies lampam sungai, kerai, jelawat, terbul, puyu dan temelian dalam tempoh dua tahun sejak 2019.